

Ahli kimia beri keterangan kes Khalid

BH 22 FEB 1998

KUALA LUMPUR, Rabu – Seorang ahli kimia yang memberi keterangan dalam perbicaraan terhadap Khalid Jafri, hari ini berkata hasil ujian DNA ke atas tiga contoh darah yang diberikan kepadanya pada Julai 1998, menunjukkan tiga penderma berkenaan adalah anak-beranak.

Lim Kong Boon, yang memberi keterangan terhadap penulis buku '50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM' itu, berkata hasil ujian menunjukkan kemungkinan tidak kurang 99.9 peratus penderma adalah ibu bapa kandung kepada penderma ketiga iaitu seorang anak perempuan.

"Saya membuat analisis DNA menggunakan dua ujian. Hasil ujian menunjukkan dua daripada pemilik darah itu adalah ibu bapa kandung kepada pemilik ketiga.

"Hasil DNA keseluruhan seorang anak mesti sama dengan separuh daripada hasil DNA ibu dan separuh DNA bapanya. Ini konsisten dengan hasil ujian berkenaan.

"DNA adalah unik dan hanya kembar seiras akan mempunyai DNA yang serupa," katanya ketika memberi keterangan di hadapan Hakim Mohd Saman Mohd Ramli.

Bagaimanapun, Lim berkata beliau tidak tahu siapa pemilik tiga sampel darah berkenaan.

Lim memberi keterangan dalam perbicaraan terhadap Khalid, 61, yang menghadapi tuduhan menulis buku bertajuk '50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM' yang mengandungi berita palsu pada muka surat 29 perenggan 12 buku berkenaan. Kesalahan itu didakwa dilakukan pada Mei 1998 di pejabat Media Pulau Lagenda, bernombor 27M, Jalan Kosas 1/3, Taman Kosas Ampang, Selangor.

Dia yang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Jalan Raja pada 12 Ogos 1998 diwakili peguam Sashi Menon dan Shamsul-Bahrain Ibrahim manakala pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwaraya Abdul Karim Abdul Jalil.

Perbicaraan bersambung esok.